Khamis, 12 Mac 2020
Tel: 1 300 22 6787
FP 6591687(20170212001)
BH 525

BH VARSITI
bhvarsiti@bh.com.my

Melestarikan Kampus Hijau

Komitmen warga kampus terhadap usaha pemuliharaan, pemeliharaan alam sekitar jadi agenda utama

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin
khairul.anam@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kampus Hijau merujuk kepada kampus yang menyokong semua agenda hijau atau pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, pengajaran, kurikulum dan pembelajaran berkaitan asalnya sekitar.

Di samping itu, Kampus Hijau juga boleh dikelaskan sebagai sebuah mana warga kampus memanfaatkan sumber yang ada secara efektif dan efisien, malah pelaksanaannya bertujuan untuk menambah baik kebolehlasanan penggunaan tenaga, memelihara sumber serta mempertingkatkan kualiti persekitaran.

Komponen penting yang terdapat di dalamnya adalah merujuk kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), contohnya, kelestarian tanah dan infrastruktur, tenaga dan pendidikan iklim, sisa buangan, sinkisat yang bersih, pengangkutan, pendidikan serta penyelidikan.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dzinik De Alwi Hikeru, berkata dalam konteks ini, pendekatan penting adalah bagi memastikan sistem kesedaran mengenai tanggungjawab sebarah warga universiti dalam menyumbang kepada kelestarian kampus secara konsisten.

"Di UPM, kami mengadakan kempen amalan 4R (Refuse, Reuse, Recycle & Recover) dalam menguruskan pelbagai jenis bahan buangan yang dihasilkan universiti dan mengamalkan penguruan alat elektrik, bahan kimia, e-sisa serta organik yang berkesan.

"Program lain yang dilaksana termasuk mengadakan kempen berkesikal dalam kampus yang dapat meningkatkan penggunaan bahan api dan lebih penting lagi dapat mengurangkan pembaziran serta pencemaran udara, selain menyediakan laluan khas basikal untuk menggalakkan penggunaan basikal oleh pelajar," katanya kepada *BH Varsiti*.

Lihat Muka 3

Jelajah Siswa
Siswa UPM kongsi kepentingan air bersih di Kemboja *Muka 5*

Berita Kampus
Woh Intake kini bercahaya *Muka 6*

Personaliti
Nur Masyitah minat jadi penyampai motivasi *Muka 8*

Tingkatkan kelestarian ekosistem hutan paya gambut

Hulu Selangor: Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FPAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan projek komuniti Kelestarian Ekosistem Hutan Paya Gambut melalui pemindahan ilmu pengurusan alam sekitar kepada penduduk di Kawasan Hutan Simpan Raja Musa Selangor, di sini, baru-baru ini.

Ketua projek, Dr Rohaslinev Hashim, berkata peserta ini bertujuan membantu komuniti setempat mewujudkan mekanisme pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem paya gambut untuk meningkatkan kembali kualiti hutan paya gambut.

"FPAS, UPM bekerjasama dengan Pertubuhan Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara (SHGSU) dan Jabatan Hutan Daerah Hulu Selangor (JHDHU) dalam melaksana projek ini yang dibiayai oleh skim geran komuniti *EnviroVerde Transfer Grant Scheme* (ETGS) daripada Pusat Transformasi Komuniti Universiti, UPM.

"Melalui program ini, dijangkakan ahli SHGSU dapat memperkitkan teknik pemantauan kualiti alam sekitar dan kaedah pengurusannya bagi memastikan mereka boleh menjadi mata serta telinga kepada JHDHU dalam menjaga ekosistem paya gambut," katanya.

Penyarah FPAS lain yang terbabit menghasilkan modul kaedah pemeliharaan dan pemeliharaan kelestarian ekosistem hutan paya gambut antaranya ialah Dr Nazatul Syadia Zainordin, Dr Abdul Muhaimin Aminuddin serta Dr Zuhrazaina Zulkiflee.

Dr Rohaslinev berkata, projek komuniti berkenaan turut disertai pelajar tahun dua dan tahun tiga Jazah Sarjana Muda Pengurusan Alam Sekitar.

"Melalui penyertaan ini, pelajar secara tidak langsung dapat memperkembangkan ilmu pengurusan alam sekitar yang dipelajari di FPAS.

"Projek ini merangkumi pengenalan kepada penggunaan alat pemantauan kualiti alam sekitar, teknik penyediaan berkaitan pemantauan ke atas alam sekitar dan analisis dengan kaedah yang betul, melalui kaedah ini, komuniti dapat menentukan tahap kesihatan persekitaran mereka," katanya.

SHGSU adalah pihak yang lebih layak untuk menjalankan pemantauan kualiti alam sekitar kerana lebih dekat dengan ekosistem paya gambut.

Pembabitan pertubuhan itu dalam pemantauan kualiti alam sekitar akan memberikan sifat rasa pemilikan kepada komuniti berdekatan, di samping pemantauan terhadap hutan simpan paya gambut dapat dilaksanakan sepanjang masa bagi memastikan kelestarian-nya.

Pensyarah dan Pelajar FPAS bersama-sama ahli SHGSU yang terbabit pada program dijalankan baru-baru ini

Mahasiswa FPAS membantu ahli SHGSU dalam menyemak data kualiti alam sekitar

Cipta kesan positif pada alam sekitar

Dari muka 1

Lebih membanggakan UPM turut melonjak ke kedudukan 33 universiti terbaik dunia dan kekal sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) nombor satu di Malaysia dalam penarafan *US News Global Universities Ranking* 2020.

Prof Aini menjelaskan faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan itu ialah usaha kolektif bersama-sama seluruh warga kampus terhadap usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar selain sebagai aktiviti penggajian, penyelidikan, kurikulum serta sistem pengurusan kualiti berkesan pengurusan alam sekitar secara berkesan.

"Faktor lain seperti memorasi pembelian kenderaan khas dikenali sebagai kenderaan Pejanda Kelestarian Hijau UPM yang membeli ikan sepenuhnya ke arah pelbagai inisiatif untuk memperkukuh kelestarian Kampus Hijau.

"UPM juga sudah merangka pelan jangka panjang dikenali sebagai Pelan Kampus Hijau di samping membuktikan sebuah unit khas iaitu Unit SDG dan Kampus Hijau," katanya.

Prof Dr Aini Ideris

Namun pada masa sama, beliau berharap agar usaha dan inisiatif sewajarnya semua ditambah baik secara berterusan supaya elemen mampu serta memuliharaan alam sekitar tak semakin menjadi amalan seluruh warga universiti, selain bukan untuk mahupkan kedudukan ranking semata-mata.

Sementara itu, turut bersetuju pada kedudukan ke-36 terbaik dunia dan kelima terbaik di Malaysia dalam Penarafan *UI GreenMetric World University Ranking* 2019 berdasarkan usaha kelestarian Kampus Hijau dan pengurusan alam sekitar oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pengarah Pusat Hal Ehwal Korporat dan Kualiti UMP, Dr Mohd Hanafiah Ahmad berkata, kejayaan itu menjadikan universiti berada pada kedudukan ke-21 terbaik Asia serta kedudukan ke-13 di Asia Tenggara.

"UMP juga menerima Anugerah *Diamond* untuk kampus rendah karbon daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia di mana ia diterima hasil pelaksanaan inisiatif Kecekapan Tenaga dan Tenaga Boleh Diperbaharui secara menyeluruh di dalam kampus.

"Selain itu, banyak penguranga-kan penghasilan karbon dioksida sebanyak 780 perstus bersamaan 681.67 tan metrik karbon dioksida dan penjimatan tenaga elektrik sebanyak 1,271,585 kWh di UMP Kampus Pekan pada tahun lalu," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Mohd Hanafiah berkata, Pelan Jangka Panjang Bangka Tindakan Kampus Hijau UMP turut dirangka dalam memastikan penggunaan tenaga dapat digunakan secara optimum dan lebih cekap, malah penjanaan elektrik telah dikenal pasti sebagai satu daripada inisiatif memastikan kos operasi universiti dilaksanakan dengan berkesan.

"Di samping mencapai kecemerlangan dalam penggajian dan penyelidikan, UMP komited untuk berperanan secara menyeluruh dengan lebih prihatin terhadap penggunaan tenaga dan sumber semula jadi yang juga menyumbang kepada agenda nasional serta global berhubung alam sekitar dan kemampanan.

"Terdapat beberapa faktor diambil kira dalam memastikan kesesuaian ini iaitu penggunaan tenaga dormanik elektrik dan bentuk tenaga lain) dengan mengambil beberapa langkah sesuai untuk menguranglan pembaziran secara-nanya penggunaan elektrik dan lain-lain bahan api serta mencipta kesan positif terhadap alam sekitar, sesuatan dan masyarakat melalui penggunaan berkesan sumber asli secara pengurusan yang cekap terhadap bahan buangan," katanya.

Dr Mohd Hanafiah Ahmad

Dr Mohd Hanafiah menjelaskan UMP turut memperkenalkan Pelan Kendapan Tenaga UMP (EE Pelan) dan Kerangka Pengurusan Karbon serta Alam Sekitar (ECS) di mana kedua-dua pelan ini adalah sebagai usaha turut menyokong Inisiatif Kampus Hijau yang dilaksanakan secara sesentik mahupun berperingkat.

"Unit Kelestarian dan Penghijauan Kampus diwujudkan di bawah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH) untuk memastikan pengurusan tenaga di UMP dapat dilaksakan secara teratur dengan dasar ketegasan," katanya.